

# Dasar swasta untungkan kakitangan kerajaan - PM

UM 29 NOV 1983

KUALA LUMPUR 28 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan keyakinan beliau bahawa kakitangan kerajaan yang terlibat dalam dasar penswastan akan mendapat keuntungan dari segi kewangan, pengalaman baru, kepuasan bekerja dan cabaran baru.

Berucap merasmikan persidangan dwi-tahunan Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU) di sini, Perdana Menteri berkata walaupun masalah permulaan sudah tentu timbul tetapi sekiranya keuntungan kepada negara dan rakyat umum sentiasa difikirkan, sebarang masalah pelaksanaan dasar itu tidak akan menjadi isu dan persengketaan.

"Saya berharap kakitangan yang terlibat akan sentiasa memikirkan semangat dan tujuan kerajaan dalam melaksanakan dasar ini yang antara lainnya diharap akan mengurangkan beban kewangan kerajaan dalam mengendalikan perkhidmatan - perkhidmatan tertentu dan juga meningkatkan kecekapan menguruskannya," ujar beliau.

Menurut beliau, dengan semangat supaya seberapa ramai kakitangan yang terlibat tidak akan rugi, kerajaan akan melancarkan dasar penswastan dengan penuh hati - hati serta segala kelemahan peringkat awal akan dikaji dan di atasi.

"Kerajaan telah memilih firma

swasta bagi mengendalikan Rangkaian Ketiga TV dan sistem aerobus yang akan dilaksanakan di ibukota Kuala Lumpur juga akan diswastakan di mana perkhidmatan -perkhidmatan baru dan belum ada kakitangan awam yang terlibat," ujar beliau.

Katanya, itu merupakan salah satu langkah berhati - hati di mana dengan cara itu kerajaan dapat mempelajari dengan lebih mendalam selok - belok mengenai penswastan bagi menjamin kejayaannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap kesatuan - kesatuan sekerja lebih sensitif terhadap isu - isu yang mendapat perhatian kerajaan dan memainkan peranan bagi memupuk semangat meningkatkan daya pengeluaran atau hasil kerja setiap ahli masing - masing.

Beliau berkata, bagi sesebuah negara membangun, daya pengeluaran yang tinggi dari setiap rakyat amat perlu bagi menjamin masa depan yang cerah dan berjaya yang mana kestabilan dan keselamatan menjadi faktor utama yang menyediakan persekitaran bagi peningkatan daya pengeluaran.

Tetapi, tambah Perdana Menteri, kestabilan dan suasana keselamatan yang wujud tidak akan membawa kesan kepada daya pengeluaran jika rakyat tidak mempunyai orientasi dan sikap positif terhadap daya pengeluaran.